

SISTEM PENDAFTARAN STATUS PKS

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Apakah itu Sistem Pendaftaran Status PKS?

Sistem Pendaftaran Status PKS merupakan inisiatif baharu yang dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia bagi memastikan setiap PKS yang memohon untuk mengikuti program atau mendapatkan bantuan/insentif Kerajaan memenuhi definisi PKS yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Syarikat/perniagaan yang memenuhi definisi tersebut layak dipertimbangkan bagi mengikuti program serta mendapatkan bantuan/insentif Kerajaan melalui agensi seperti SME Corp. Malaysia atau mana-mana Kementerian dan agensi yang turut mengguna pakai definisi PKS ini.

Sila rujuk kepada definisi PKS di pautan berikut:

https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Garis_Panduan_DefinisiPKS_dikemaskini.pdf

2. Siapakah yang layak untuk mendaftar melalui sistem pendaftaran ini?

Syarikat/perniagaan dalam semua sektor ekonomi yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta badan pendaftar perniagaan yang berkaitan / pihak berkuasa tempatan yang berkaitan (bagi Sabah dan Sarawak)

Syarikat/perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 51% pegangan tempatan atau milikan warganegara Malaysia

3. Berapakah bayaran yang dikenakan?

Tiada bayaran dikenakan sekiranya syarikat/perniagaan ingin mendaftar atau mengetahui samada ianya berstatus PKS ataupun tidak. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat/perniagaan ingin mendapatkan Sijil Akuan Status PKS yang diperlukan bagi mengikuti Program atau mendapatkan bantuan/insentif Kerajaan melalui Kementerian atau agensi seperti SME Corp. Malaysia, bayaran sebanyak RM100.00 perlu dibuat dengan mengikuti

langkah-langkah mudah yang diterangkan dalam sistem pendaftaran ini. Sijil Akuan ini mempunyai tempoh sah laku selama dua (2) tahun.

Bermula dari 1 Mac sehingga 31 Ogos 2020, pendaftaran status PKS adalah PERCUMA. Permohonan yang dibuat dalam tempoh ini akan diberi Sijil Akuan Status PKS dengan tempoh sah laku selama satu (1) tahun sahaja.

4. Mengapa syarikat/perniagaan perlu mendaftar status PKS melalui sistem ini?

Perakuan status PKS adalah salah satu kriteria kelayakan utama bagi sesebuah syarikat/perniagaan untuk memohon bantuan atau mengikuti program yang disediakan oleh Kerajaan. Melalui sistem ini juga, syarikat/perniagaan boleh menyemak dan mendapatkan pengesahan samada ianya dikategorikan sebagai PKS ataupun tidak.

5. Apakah dokumen yang membuktikan syarikat/perniagaan adalah berstatus PKS?

Bagi syarikat/perniagaan yang telah mendaftar dan disahkan berstatus PKS, Sijil Akuan Status PKS akan dikeluarkan setelah syarikat/perniagaan membuat bayaran sebanyak RM100.00. Sijil Perakuan ini mempunyai tempoh sah laku selama dua (2) tahun.

6. Bagaimanakah cara untuk mendaftar melalui sistem pendaftaran ini?

Syarikat/perniagaan boleh melayari laman web SME Corp. Malaysia di www.smecorp.gov.my atau klik di pautan <https://smereg.smecorp.gov.my>

Berikut adalah langkah-langkah untuk mendaftar:

- a. Daftar akaun baharu
- b. Isi maklumat yang diperlukan
- c. Muat naik dokumen berkaitan
- d. Tanda borang pengakuan dan tekan butang 'Hantar'

7. Apakah panduan yang boleh saya rujuk untuk membuat pendaftaran?

Syarikat/perniagaan boleh memuat turun Manual Pengguna di pautan <https://smereg.smecorp.gov.my> sebagai rujukan. Manual ini merupakan panduan menyeluruh bagi memudahkan proses pendaftaran status PKS syarikat/perniagaan. Manual ini turut memberi contoh-contoh dokumen yang diperlukan bagi melengkapkan permohonan.

8. Apakah dokumen yang diperlukan untuk dimuat naik ke dalam sistem ini?

Terdapat empat (4) dokumen yang perlu disediakan untuk dimuat naik bagi syarikat Sendirian Berhad (entiti perniagaan yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat [ROC]) dan perniagaan Enterpris (entiti perniagaan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan [ROB]).

Dokumen-dokumen tersebut adalah:

- a) Borang pendaftaran perniagaan/ syarikat SSM yang terkini
 - i) Pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956:
Borang D (Sijil Pendaftaran) & Profil perniagaan
 - ii) Pemerbadanan Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016:
Profil syarikat & Sijil Perbadanan Syarikat (Seksyen 15)
 - iii) Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012:
Notis Pendaftaran atau Sijil Pendaftaran LLP & Profil PLT
- b) Syarikat Sendirian Berhad perlu mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit yang terkini samada tahun semasa atau tahun sebelumnya. Perniagaan Enterpris pula perlu mengemukakan Penyata Untung Rugi atau Penyata Pengurusan Akaun semasa

- c) Syarikat Sendirian Berhad perlu mengemukakan Penyata Caruman KWSP terkini. Perniagaan Enterpris pula boleh mengemukakan Penyata Caruman KWSP terkini atau carta organisasi perniagaan yang lengkap dengan nama dan jawatan
- d) Semua syarikat Sendirian Berhad dan perniagaan Enterpris perlu mengemukakan Maklumat Pemilik Syarikat yang terkini dan Maklumat Pemegang Saham yang menyenaraikan pemilikan saham dan jumlah saham syarikat.

9. Berapa lamakah tempoh masa yang diambil bagi mendapatkan maklum balas berkenaan permohonan yang dikemukakan?

Sekiranya permohonan diterima adalah lengkap, tempoh masa yang diambil ialah selama lima (5) hari bekerja.

10. Saya mendapati permohonan ini agak sukar untuk dilengkapkan. Adakah SME Corp. Malaysia mempunyai ejen/wakil yang dilantik untuk membantu syarikat/perniagaan melengkapkan permohonan?

SME Corp. Malaysia tidak pernah melantik sebarang ejen/wakil untuk melengkapkan permohonan bagi pihak syarikat/perniagaan. Syarikat/perniagaan boleh merujuk kepada Manual Pengguna yang disediakan untuk panduan terperinci bagi mendaftar status PKS syarikat/perniagaan.

11. Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya terdapat masalah berkaitan permohonan saya?

Pemohon boleh menghubungi Sekretariat Pendaftaran Status PKS melalui emel ke statuspks@smecorp.gov.my atau menghubungi Talian Info SME Corp. Malaysia di 1300-30-6000 (Isnin hingga Jumaat dari 9:00 pagi - 1:00 tengahari) atau melalui emel ke info@smecorp.gov.my